

LATIHAN KESALAHAN EJAAN

A. Dalam petikan di bawah ini terdapat tiga kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut. Tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Pelibatan murid dalam aktiviti ko-kurikulum banyak memberikan manfaat samada dari aspek jasmani atau rohani. Otak yang cerdas sering dikaitkan dengan tubuh badan yang sihat. Statistik menunjukkan generasi muda kini sudah ada yang menghidap penyakit hipertensi dan diabetis.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

1. Dalam setiap iklan di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin iklan itu semula.

SYARIKAT HARTANAH

Kami sebuah syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia menawarkan khidmat perunding hartanah. Kami juga membeli dan menjual hartanah termasuk rumah, premise perniagaan, dan tanah.

Tel : 01159928458
(Ishak bin Mahmud)

JAWATAN PEMANDU LORI

Kami menawarkan jawatan pemandu lori kepada warganegara yang berminat dan berkeelayakan. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia serta mempunyai lesen memandu kenderaan awam dan kenderaan komesial.

Sila hubungi :
(Tan Boon Leong)
Tel : 019 4588414

PENGUMUMAN

Mesyuarat PIBG yang dijadualkan berlangsung pada hari Ahad ini ditangguhkan pada suatu masa yang akan ditetapkan nanti. Hal ini disebabkan oleh arahan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia agar tidak ada sebarang perhimpunan bagi mengekang wabak Covid-19 daripada berleluasa. Pihak sekolah memohon maaf atas kesulitan tersebut. Terima kasih.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

1. Dalam setiap iklan di bawah ini, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin iklan itu semula.

PENGUMUMAN

NOTIS GANGGUAN DI LAMAN SESAWANG POS MALAYSIA BERHAD

Pelanggan yang dihormati,
Untuk makluman, semua laman sesawang Pos Malaysia tidak dapat diekses kerana sedang mengalami gangguan teknikal.

Pasukan teknikal kami sedang dalam proses membaik pulih masalah teknikal ini.

Pos Malaysia memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

Terima kasih.



RISE

Serbuk pencuci pekat

Dirumus dengan sistem serbuk pencuci yang unik, bahan pencegah karat, dan bahan anti-endapan.

1 kg (50 cucian)
Ekonomi . Berkesan . Berkuasa

Rendam sahaja akan kelihatan seperti baharu



KELAS RENANG

untuk semua peringkat umur
dewasa dan kanak-kanak

Pakej yang disediakan

1. Individu
2. Kumpulan
3. Keluarga

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:
Hasnol : 012-4640123
syoknyer.renang.blogspot.com
hasnol187@gmail.com

Pengajar yang berkelayakkan



- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

Dalam memo panggilan mesyuarat di bawah ini, terdapat tiga kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul ada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin memo panggilan mesyuarat itu semula.

**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN INDAH
13200 BUTERWORTH, PULAU PINANG**

Kepada : Tuan Pengetua
Penolong Kanan Kokurikulum
Semua guru

Daripada : Setiausaha Kokurikulum
Rujukan kami : SMKTM 900/8/2(21)
Tarikh : 25 Ogos 2020

Tuan/ Puan,

MESYUARAT KOKURIKULUM BIL. 3/2020

Segala hormat dan sukacitanya saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan itu, tuan/ puan dijemput hadir ke mesyuarat berkenaan pada ketetapan yang berikut:

Tarikh : 2 September 2020
Masa : 2.30 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat SMK Taman Indah

3. Agenda mesyuarat seperti di bawah ini:

- 3.1 Ucapan Pengerusi Majlis
- 3.2 Ucapan Tuan Pengetua
- 3.3 Taklimat Penolong Kanan Kokurikulum
- 3.4 Hal-hal lain

Kerja sama dan kehadiran tuan/ puan amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,

AHMAD BIN KAMARUDDIN

(AHMAD BIN KAMARUDDIN)

Setiausaha Kokurikulum,
SMK Taman Indah.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____